



23 JAN, 2026

Kecurian kabel ECRL di Terengganu meningkat kepada 18 kes

Berita Harian, Malaysia



Kecurian kabel ECRL di Terengganu meningkat kepada 18 kes

Kuala Terengganu: Kes kecurian kabel di jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Terengganu, meningkat daripada hanya dua kes pada 2024 kepada 18 kes sepanjang tahun lalu.

Ketua Polis Negeri, Datuk Mohd Khairi Khairudin, berkata peningkatan kes kecurian yang berlaku sepanjang tahun lalu menyebabkan pemaju ECRL kerugian RM469,680 berbanding

hanya RM2,500 pada tahun 2024.

Mohd Khairi, berkata kes kecurian kabel milik Telekom Malaysia (TM) pada tahun lalu juga turut meningkat kepada 61 kes dengan nilai hampir RM100,000 berbanding 22 kes bernilai RM45,303 pada 2024.

"Polis Terengganu dengan kerjasama ECRL, TM dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menumpaskan lapan kumpulan

dipercayai terbabit dengan kes kecurian kabel dengan empat individu ditahan pada 2024.

"Kita juga berjaya menumpaskan 15 kumpulan disyaki terbabit menjalankan kegiatan curi kabel dan menahan lapan individu dalam operasi yang dijalankan pada tahun lalu," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohd Khairi berkata, kes kecurian kabel milik TNB juga turut meningkat daripada tujuh

kes dengan kerugian RM44,950 pada 2024 kepada 10 kes dengan kerugian RM70,917 sepanjang tahun lalu.

"PDRM dengan kerjasama ECRL, TNB dan TM akan terus melaksanakan operasi khas termasuk melakukan risikan bagi membanteras kegiatan curi kabel di negeri ini.

"Operasi membabitkan premis membeli barangan lusuhan dan terpakai akan dipertingkatkan bagi membanteras kegiatan kecurian kabel," katanya.

Mohd Khairi berkata, PDRM menggesa masyarakat dan orang ramai tampil menyalurkan maklumat terutama berkaitan dengan kes kecurian kabel.

"Kita akan berusaha memastikan pembanteras secara holistik dapat dilaksanakan, terutama membabitkan kes kecurian kabel di negeri ini," katanya.



Jurutera QAQC China Communications Construction (CCC) ECRL bersama Pegawai Keselamatan dan Kesihatan CCC ECRL menunjukkan kabel yang dipotong di landasan ECRL Kampung Luit, Maran.



(Foto Muhammad Delima Atan/BH)